



## YIK BEROPERASI DI BANGUNAN BAHARU

**Tunjong : 1 Feb** - Yayasan Islam Kelantan secara rasmi mula beroperasi di bangunan baharu yang terletak di lebuhraya Salor-Pasir Mas mulai 1 Februari 2021.

Bangunan 3 blok yang mengandungi pejabat pentadbiran mula dibina mulai 23 April 2017 dan siap sepenuhnya 10 Jun 2020 dengan kos RM11,714,942.70.

Bangunan yang dinamakan **"Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan"** ini menempatkan pegawai dan kakitangan Bahagian Pengurusan, Bahagian Sekolah, Bahagian Akademik dan Bahagian Kenaziran.

**Bangunan Baharu :** Pandangan sisi belakang bangunan baru Yayasan Islam Kelantan yang lengkap dengan kemudahan parkir kendaraan yang lebih luas dan masjid yang selesa.



Turut disediakan pejabat YB. Dato' Dr. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan.

Perpindahan kali ini merupakan perpindahan bersejarah sejak daripada penubuhannya 1974 dengan memiliki bangunan sendiri. Sebelum ini Pejabat YIK berada di Bangunan MAIK di Lundang, kemudian berpindah ke Nilam Puri, seterusnya beroperasi di Istana Nilam, sebelum berpindah ke bangunan Pusat Bahasa Arab Nilam Puri pada tahun 1996.

Majlis solat hajat menduduki bangunan baharu telah disempurnakan oleh YAB Dato' Bentara Kanan, Dato' Hj. Ahmad bin Yakob pada 24 November 2020 bersama ahli mesyuarat Lembaga Yayasan Islam Kelantan.

Bangunan baharu yang terletak bersebelahan stesen Minyak BHP-YIK memberi inspirasi baharu kepada semua warga YIK dengan kemudahan yang lebih baik dan selesa.



**Serah :** Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail menyerahterahkan replika kunci gimbik penyerahan kepada KE KIAS, Prof. Dr. Ab. Aziz b. Mohd Zin

**Nilam Puri : 1 Mac** - Yayasan Islam Kelantan secara rasminya menyerahkan penggunaan bangunan pejabat di Nilam Puri kepada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra mulai 1 Mac 2021. Gimik penyerahan telah diadakan secara ringkas di Bilik Mesyuarat bangunan berkenaan setelah mengambil kira SOP dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Penyerahan disempurnakan oleh Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, kepada Ketua Eksekutif, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). YBhg. Profesor Dr. Ab. Aziz b. Mohd Zin.

### MAJLIS PENYERAHAN BANGUNAN YAYASAN ISLAM KELANTAN NILAM PURI KEPADA KIAS

Terdahulu dalam ucapan YM Pengarah menyatakan bahawa keadaan fizikal bangunan masih utuh dan langkah-langkah penjagaan untuk menambah keceriaan boleh dilaksanakan oleh pihak KIAS. Dalam pada itu, menurut beliau, usaha-usaha membersih telah dibuat dengan mengadakan gotong royong bagi memastikan bangunan dan kawasan persekitaran berada dalam keadaan yang baik sewaktu penyerahan.

Manakala pihak KIAS dalam ucapan balasnya mengucapkan terima kasih atas segala kerjasama yang telah diberikan sebelum ini dan berharap agar hubungan yang terbina ini akan terus berpanjangan meskipun agak berjauhan.

Hadir sama, Timbalan-timbalan Pengarah YIK manakala KIAS dihadiri oleh Dr. Mohd Ramizu b. Abdullah, Timbalan Ketua Eksekutif (HEA) KIAS, Dr. Linamalini bt. Mat Nafi, Timbalan Ketua Eksekutif (HEP), En. Ahmad@Nazir b. Abdulah, Pendaftar dan Pn Norizan b. Ismail, Timbalan Pendaftar.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ النَّبِيِّينَ وَالْمَرْسَلِينَ وَعَلَى أَلٰهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ،

*Firman Allah yang bermaksud: " Sebenarnya orang-orang yang beriman dan beramal soleh sudah tetap Kami tidak akan mensiasakan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalnya". (Al Kahfi:30)*

Alhamdulillah, kesyukuran sebanyaknya kepada Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya "**Suara YIK**" dapat diterbitkan semula setelah hampir 10 tahun tertangguh untuk menjadi siaran rasmi Yayasan Islam Kelantan kepada masyarakat umum serta rujukan guru dan pelajar.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada sidang pengarang dan Jawatankuasa Penerbitan "Suara YIK" yang berusaha mendapatkan bahan-bahan berita dan artikel dalam bahasa Melayu, Arab dan Inggeris untuk melengkapkan penerbitan pada kali ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat bertemu di bawah bumbung Yayasan Islam Kelantan untuk sama-sama memikul tugas dan tanggungjawab ke arah kemajuan dan kecemerlangan bidang pendidikan agama di negeri ini. Saya mengharapkan kerjasama dan gandingan padu semua pihak, termasuk pengetua, guru-guru dan kakitangan untuk merealisasikan agenda pembangunan insan yang menjadi teras penubuhan Yayasan Islam Kelantan.

Sesungguhnya Allah SWT memberi kelebihan kepada orang-orang beriman yang sentiasa memperbaiki amal perbuatan mereka ke arah yang lebih baik, selaras dengan itu, semangat meningkatkan kualiti dan produktiviti seharusnya menjadi amalan dalam perkhidmatan, sikap berpada dengan pencapaian yang ada perlu dikikis bagi melonjak kecemerlangan berganda dalam dunia pendidikan ini. Saya berhasrat untuk memacu kecemerlangan Yayasan Islam Kelantan setanding dengan agensi pendidikan yang lain malah lebih terkehadapan lagi dalam beberapa aspek.

Pencapaian pelajar YIK dalam seni mempertahankan diri Tae Kwan Do di peringkat antarabangsa baru-baru ini menunjukkan kemampuan luar biasa yang telah dicapai dan membuktikan pelajar-pelajar YIK mampu bersaing dengan institusi pendidikan lain secara keseluruhannya.

Dalam menuju ke puncak jaya, bermula dari pengurusan dan pentadbiran, Yayasan Islam Kelantan hendaklah menggariskan panduan kerja dan SOP yang jelas dengan panduan-panduan

## DARI MEJA PENGARANG

Alhamdulillah, kesyukuran jua kepada Allah s.w.t yang dengan nikmat-Nya kita masih lagi diberi kesempatan untuk menikmati kehidupan di persinggahan semestara ini, selawat dan salam ke atas Rasul junjungan pembawa cahaya, obor penunjuk kebenaran sepanjang zaman.

Pertamanya saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Penerbitan Suara YIK yang telah berusaha menyambung semula bulentin ini setelah terhenti beberapa ketika. Penghargaan saya juga kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama menyumbang pelbagai idea dan cadangan serta menyalurkan informasi untuk tatapan umum pada kali ini.

Dunia pendidikan tersentak dengan penularan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia sejak setahun lalu. Proses pengajaran biasa secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan ekoran adanya langkah pencegahan dengan memberhentikan operasi semua sektor termasuk pendidikan. Semua guru dan pendidik perlu menggunakan kaedah baharu dalam penyampaian pengajaran dengan istilah baharunya "**PdPR**" (**Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah**).

Dalam menangani cabaran baharu ini, adalah diharapkan agar semua guru dapat melengkapkan diri dengan persiapan kemahiran baharu menggunakan peralatan dan gajet terkini dan menguasai bidang IT demi mengelakkan kecinciran dalam pelajaran kepada para pelajar, manfaatkanlah masa dan ruang yang ada untuk mengikuti kelas secara dalam talian dan tumpukan usaha untuk membangun diri menjadi insan berguna dan berjasa kepada agama, bangsa dan negara. Sekian - Ketua Editor.

## Perutusan Pengarah



perkhidmatan yang efisien serta arahan yang tepat untuk terus mengungguli kecemerlangan dalam pengurusan pendidikan agama di negeri ini.

Justeru, saya menyeru kepada diri saya dan seluruh warga Yayasan Islam Kelantan agar mengambil langkah proaktif dalam tugas dan sentiasa bersikap terbuka menerima cadangan-cadangan penambahbaikan dari masa ke masa sebagai langkah terbaik memantapkan organisasi di semua peringkat sesuai dengan sifat mungkin yang sentiasa membuat penambahbaikan dalam amalan-amalan mereka.

Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah mempertimbangkan kelulusan untuk pelaksanaan sebahagian langkah-langkah penambahbaikan skim perkhidmatan serta pergerakan kenaikan gred dan beberapa inisiatif lain kepada pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan Yayasan Islam Kelantan. Saya percaya berita baik ini tentunya memberi semangat dan motivasi kepada warga pendidik YIK yang telah berusaha gigih merealisasikan hasrat Pendidikan Rabbani di negeri ini.

Dalam menghadapi pandemik COVID-19 ini, semua pihak hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga dengan mematuhi setiap arahan yang dikeluarkan oleh pihak berwajib untuk memutuskan rantaian penularan wabak yang sudah lebih setahun melanda negara kita dan dunia keseluruhannya. Sama-sama kita memanjatkan doa, memohon Allah SWT mengangkat segera bala dan bencana ini daripada terus berpanjangan.

Akhirnya marilah kita sama-sama mendukung harapan kerajaan negeri melahirkan insan beriman, bertakwa dan berakhlik mulia yang mampu bangkit merubah dunia ke arah yang lebih baik berteraskan slogan "**Merakyatkan Membangun Bersama Islam**".

### PENAUNG

YM Hj. Engku Rajhan bin Engku Ismail

### PENASIHAT

Hj. Shamsul bin Abu Bakar  
Hj. Che Kamarudin Kamel bin Che Muhammad  
Hj. Mohd Zaki bin Deraman

### KETUA EDITOR

Hj. Sukeri bin Hussin

### EDITOR

Dr. Hjh. Nasuha binti Musa  
Ahmad Norisham bin Abdul Halim  
Hjh. Nafizah binti Abdullah

### GRAFIK

Nik Ramzi Al-Samadi bin Abd Samad

### PERCETAKAN

Azchia Printing & Advertising

Suara YIK diterbitkan oleh Yayasan Islam Kelantan setiap enam bulan sekali. Ia diederl secara percuma kepada sekolah-sekolah agama di bawah YIK dan jabatan berkaitan yang berurusan dengan YIK. Mana-mana pihak yang ingin mendapat maklumat lanjut atau memberi buah fikiran atau sumbangan berupa rencana bolehlah menghubungi:

**Suara YIK**  
Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan  
Peti Surat 248 Jalan Salor-Pasir Mas, Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-712 6933/09-712 8144 Faks: 712 7806  
E-mel : yik@kelantan.gov.my

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ  
عَلَى أَشْرَفِ النَّبِيِّينَ وَالْمَرْسَلِينَ وَعَلَى أَلٰهٖ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،  
وَبَعْدٌ،

Alhamdulillah. Segala puji dan syukur yang selayaknya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabatnya. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya dan belas rahmat-Nya buletin Suara YIK dapat dihidangkan kepada para pembaca.

Penerbitan SUARA YIK merupakan sebahagian usaha yang dilakukan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK) untuk menzahirkan pelaksanaan aktiviti dan program dalam agenda memartabatkan kefahaman pendidikan Islam dan mengikis pemikiran sekularisme dalam sistem pendidikan umat. Wabak kefahaman serong ini menyaksikan dua pola pemikiran masyarakat dalam mencari jalan keluar kepada persoalan umat yang ada. Selain itu, kita juga berhadapan dengan dua bentuk generasi yang tidak seimbang dari segi personaliti, cara berfikir dan gaya kehidupan. Satu generasi yang menjadikan Islam sebagai jalan penyelesaian dengan berpaksikan Al-Quran dan Al-Sunnah. Dalam masa yang sama ada generasi yang meletakkan pertimbangan pemikiran barat sebagai induk dalam mencari jalan keluar. Bahkan solusi kaedah Islam dilihat serong walaupun terbukti dengan kajian yang saintifik. Oleh yang demikian, dunia hari ini tidak sepi dengan pertembungan pemikiran sehingga lah memberi ruang kepada musuh-musuh Islam menangguk di air yang keruh.

Justeru, Kerajaan Negeri Kelantan telah menetapkan dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dalam semua aspek termasuk dalam aspek pendidikan. Dalam konteks pendidikan dan pembangunan insan di Kelantan, **Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK)** sememangnya berkonsepkan bimbingan Ilahi yang dapat melahirkan manusia yang baik dan bertanggungjawab kepada diri, keluarga dan masyarakat demi mencapai kebahagiaan hakiki dengan berpandukan wahyu daripada Allah SWT.

Saya yakin penerbitan SUARA YIK akan memperlihatkan usaha gigih Yayasan Islam Kelantan bagi merancakkan lagi kefahaman umat tentang acuan pembentukan generasi Rabbani. Sehubungan dengan itu, ia juga merakamkan siri peristiwa kejayaan generasi dalam membina karakter kepimpinan di hari muka. Sudah pasti, para pendidik juga melakarkan karya mereka untuk tatapan generasi akan datang. Pembudayaan ilmu ini melalui inisiatif SUARA YIK sangat mustahak dalam mengangkat tamadun Kelantan khasnya pendidikan Rabbani.

Adalah diharapkan SUARA YIK dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada para pembaca untuk memahami konsep pendidikan berteraskan Dasar Pendidikan Rabbani (DPRK) dan interaksinya dengan sistem pendidikan keseluruhannya.

Di kesempatan ini, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Mulia Pengarah Yayasan Islam Kelantan serta Badan Redaksinya serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan SUARA YIK. Semoga segala curahan kebaikan tersebut akan melimpahkan rahmat dan belas kasihan Yang Maha Kuasa.

**“Raja Berdaulat, Rakyat Muafakat, Negeri Berkat”**  
**“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”**  
**“Membangun Bersama Islam -**  
**Kelantan Menerajui Perubahan”**


Salam Hormat

## Setitis Tinta

### YB DATO' DR. HAJI MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan,  
Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi  
Negeri Kelantan





## YM Pengarah Lancar PELAKSANAAN EKSA di Pejabat YIK

**Kompleks Pentadbiran YIK : 11 Mac** - Dalam usaha meningkatkan imej korporat, Yayasan Islam Kelantan telah melancarkan pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) pada 11 Mac 2021 bersamaan 28 Rejab 1442H.

Pelaksanaan EKSA di Yayasan Islam Kelantan adalah ekoran dari hasrat kerajaan negeri menampilkan imej yang lebih baik di semua jabatan di negeri Kelantan. EKSA adalah kesinambungan daripada program 5S yang telah dimulakan dalam sektor awam sejak dari tahun 2010 lagi. Amalan pembudayaan berkenaan wajar diteruskan bagi memastikan tempat kerja yang kondusif dan mengambil kira kempen "Go Green" bagi menghijaukan bumi dan menggunakan bahan semula jadi serta kitar semula.

Sebelum majlis pelancaran, pihak fasilitator telah mengadakan taklimat umum pelaksanaan dan juga taklimat pengauditan yang memberi garis panduan lengkap elemen-elemen pematuhan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri. Juruaudit dalaman akan melaksanakan pengauditan kepada semua bahagian dan akan memberi skor yang dicapai oleh zon masing-masing.

Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan dibahagikan kepada 3 Zon, iaitu, Zon A merangkumi blok Bahagian Sekolah, Bahagian Kenaziran, Bahagian Sumber Manusia dan Pejabat Exco Pendidikan. Manakala Blok B pula meliputi Pejabat Pengarah dan ruang sekitar, Bahagian Khidmat Pelanggan, Bilik Mesyuarat Utama, Masjid serta persekitaran luar dan bunga-bunga hiasan. Zon C pula melibatkan Bahagian Akademik, Pusat Bahasa Arab, Penilaian dan Peperiksaan, Bahagian Pentadbiran, Kewangan dan Teknologi Maklumat.

YM Pengarah dalam ucapannya menyatakan komitmennya untuk melihat program ini dilaksanakan dengan jayanya. Tambahan pula YIK baru sahaja berpindah ke bangunan baharu, sudah tentu keadaan masih baik dan tidak memerlukan kos yang tinggi untuk mencapai tahap pematuhan yang telah ditetapkan. Dengan pengalaman yang ada pada pegawai dan kakitangan dalam pelaksanaan 5S dahulu tentu menjadi bekalan terbaik bagi meneruskan program yang telah ditambah baik dalam pengurusan sektor awam ini.

YM Pengarah turut memotong riben ketandaan pelancaran dan menyampaikan hadiah kepada pemenang mencipta logo EKSA YIK. Dalam majlis yang sama YM menyampaikan Polisi EKSA YIK kepada ketua-ketua zon.

Hadir dalam majlis berkenaan Timbalan-timbalan Pengarah, Penolong Pengarah dan semua kakitangan.



Lancar : YM Pengarah YIK melancarkan pelaksanaan EKSA peringkat pejabat Yayasan Islam Kelantan.



**Sedia :** Kafe YIK sedia memenuhi keperluan pelanggan dan tempahan untuk persegearan.

## WANIS YIK Kendali Kafe Dengan Kerjasama KOOPYIK

**Nilam Puri : 2 Feb** - Pertubuhan Wanita Yayasan Islam Kelantan (WANIS) mengendalikan kafe di Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan Bandar Baru Tunjung Mulai 7 Feb 2021 dengan kerjasama **Koperasi Yayasan Islam Kelantan**



**Berhad (KOOPYIK).** Menurut Pengurusnya YM Tengku Sahariah Tuan Hamzah, kerjasama *profit sharing* ini adalah untuk memenuhi keperluan pegawai dan kakitangan yang berjumlah hampir 150 orang. Dengan usaha sama ini pihak koperasi telah memindahkan premis kedai runcit di pejabat YIK lama dan membantu mengaktifkan kafe di premis baharu ini. Kafe ini, selain menyediakan keperluan makanan harian siap masak untuk kakitangan YIK, ia turut mengurus tempahan untuk mesyuarat dan kursus.

Dengan inisiatif ini, pihak WANIS berharap dapat menyumbang kepada sumber pendapatan yang lebih kukuh untuk menggerakkan aktiviti sosial dalam komuniti selain mempelbagaikan kegiatan untuk kepentingan ahli.

# YIK Dapat Pengiktirafan 4 BINTANG Keselamatan Perlindungan dari Bahagian Keselamatan



**Tahniah :** YM Engku Rajhan b. Engku Ismail menerima Sijil Anugerah dari Hj. Foudzi b. Abdullah, Pegawai Keselamatan Negeri Kelantan.

**Kompleks Pentadbiran YIK : 15 Mac** - Yayasan Islam Kelantan berjaya memperolehi Sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan dari Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia dengan pencapaian 4 bintang. Majlis penyerahan sijil berkenaan telah diadakan pada 15 Mac 2021 di Bilik Mesyuarat Utama Kompleks Pentadbiran YIK di Tunjong. Pengarah YIK, YM Engku Rajhan b. Engku Ismail menerima pengiktirafan berkenaan daripada Pengarah Keselamatan Kerajaan Negeri Kelantan, Hj. Mohamad Foudzi b. Abdullah.

Dalam ucapan penyampaian berkenaan, Hj. Foudzi berkata, pelaksanaan anugerah kepada jabatan kerajaan ini dibuat secara terpilih kepada 5 buah jabatan kerajaan negeri dan 5 buah jabatan Kerajaan Persekutuan, YIK telah mencapai tahap cemerlang untuk disenarai pendek dalam kalangan jabatan kerajaan negeri ke Bahagian Keselamatan Putrajaya selepas pengauditan pada 2019 yang lalu.

Beliau berharap pematuhan prosedur keselamatan menjadi sebahagian daripada budaya kerja dalam melaksanakan tugasan harian. Pengarah Keselamatan itu juga merakamkan setinggi-tinggi tahniah atas pencapaian cemerlang Yayasan Islam Kelantan dan berharap agar ia dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang. Sementara itu YM Pengarah YIK dalam ucapan balasnya berharap dengan perpindahan ke pejabat baharu di Tunjong ini, aspek-aspek keselamatan akan lebih diberi perhatian dan menepati saranan yang ditetapkan oleh pihak keselamatan. Malah beliau berharap YIK akan muncul dengan pencapaian 5 bintang pada masa hadapan.

## Kunjungan Muhibah LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA ke YIK



**Kompleks Pentadbiran YIK : 28 Mac** - Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah mengadakan kunjungan muhibah ke Yayasan Islam Kelantan pada 28 Mac 2021.

Kunjungan berkenaan adalah untuk mengeratkan hubungan dua hala ke arah memantapkan kerjasama berkaitan dengan pelaksanaan peperiksaan khususnya melibatkan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia.

Rombongan yang ketuai oleh YBhg. Dato' Haji Pkharuddin b. Ghazali (Pengarah Peperiksaan) telah disambut oleh YM Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan.


Turut sama dalam rombongan berkenaan adalah Dr. Hjh. Habibah bt. Mat Rejab Ketua Penolong Pengarah Unit Pengurusan Dasar dan Hjh. Sofinaz bt. Dato' Syeikh Abu Bakar Ketua Penolong Pengarah Unit Pengajian Islam Lanjutan LPM.

Pihak Lembaga Peperiksaan melahirkan rasa terima kasih kepada Yayasan Islam Kelantan atas sokongan dan dokongan yang telah diberikan untuk menambah baik pelaksanaan STAM secara lebih intensif. Sebahagian besar daripada calon-calon yang menduduki STAM setiap tahun adalah daripada pelajar-pelajar Yayasan Islam Kelantan.



Perkembangan mutakhir daripada Universiti Al-Azhar yang menuntut penyelesaian segera adalah berhubung dengan syarat-syarat baharu untuk melanjutkan tempoh perjanjian bagi pengambilan pelajar Malaysia melalui STAM.

Pihak Yayasan Islam Kelantan mengalukan sebarang kerjasama ke arah kebaikan dan untuk jaminan peluang melanjutkan pelajaran yang lebih luas pada masa hadapan. Turut serta dalam program ini, Timbalan Pengarah Sekolah, Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Akademik, Hj. Mohd Zaki b. Deraman dan Timbalan Pengarah Kenaziran, Hj. Sukeri b. Hussin.



# PENGAUDITAN PEMBUDAYAAN UMI DI YIK

**Semak :** En. Mohd Ramizu b. Alias sedang melakukan audit dokumen kepada dokumentasi Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kecil.

**Kompleks Pentadbiran YIK : 29 Mac** - Juruaudit UMI yang diketuai oleh Al-Fadhil Ust. Anuar b. Hashim telah membuat auditan pembudayaan program UMI (Ubudiyah, Mas'uliah dan Itqan) kepada Yayasan Islam Kelantan.

Pasukan yang menggabungkan Pegawai Agama Jajahan Jeli, Pegawai Pejabat Mufti dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan itu disambut oleh Timbalan-timbalan Pengarah dan Urus Setia UMI Yayasan Islam Kelantan.

Sesi taklimat dan latar belakang pelaksanaan UMI di YIK diadakan di bilik Mesyuarat Utama tingkat 2 blok B dipengerusikan oleh YM Pengarah, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail, sementara taklimat disampaikan oleh Hj. Jazlan b. Omar, Penolong Pengarah Sumber Manusia.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail mengucapkan terima kasih kepada panel auditor yang membuat semakan pada kali ini dan memaklumkan bahawa YIK baru sahaja berada di bangunan baharu ini mulai 1 Februari 2021.

Walau bagaimanapun usaha-usaha untuk memastikan YIK memenuhi kriteria ditetapkan telah diambil dan para pegawai bertungkus lumus melaksanakan tugas menjayakan program UMI ini secara menyeluruh.

Auditor yang menghabiskan masa hampir separuh hari telah mengadakan *Exit Conference* pada akhir lawatan. Pihak Auditor merakamkan ucapan terima kasih terhadap kerjasama yang telah diberikan oleh pegawai dan kakitangan Yayasan Islam Kelantan sepanjang melaksanakan tugas.

Ketua Auditor dalam ucapan penggulungannya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yayasan Islam Kelantan yang cemerlang dalam Kompetensi Umum, Kompetensi Ubudiyah, Kompetensi Mas'uliyah dan Kompetensi Itqan. Walau bagaimanapun pihak YIK perlu mengambil tindakan penambahbaikan melibatkan Kompetensi Ubudiyah khususnya etika berpakaian yang menepati syara'. Selain itu Kompetensi Umum juga perlu dipertingkatkan yang berkaitan dengan pengurusan kenderaan jabatan.

YM Pengarah mengucapkan terima kasih kepada semua AJK yang berusaha gigih menjayakan program UMI di Yayasan Islam Kelantan.

**Teliti :** Auditor sedang meneliti penyediaan keperluan pematuhan pembudayaan UMI



Sumbangan pendidikan adalah untuk digunakan bagi pengurusan pendidikan dan aktiviti berkaitan, ia juga juga boleh dimanfaatkan bagi menampung program-program peningkatan pencapaian akademik seperti kelas tambahan dan bengkel untuk pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan.

Majlis penyerahan berkenaan turut disertai pasukan pengurusan Maybank cawangan Kota Bharu, Timbalan-timbalan Pengarah dan Akauntan Yayasan Islam Kelantan. YM Pengarah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Maybank yang telah bermurah hati menyampaikan sumbangan kepada YIK dan berharap lebih banyak syarikat-syarikat dan badan korporat menyalurkan sumbangan kepada Yayasan Islam Kelantan.



## MAYBANK SALUR SUMBANGAN UNTUK YIK

**Nilam Puri : 12 Jan** - Maybank Kota Bharu menyalurkan sumbangan pendidikan RM100,000.00 kepada Yayasan Islam Kelantan.

Sumbangan berkenaan disampaikan oleh Pn. Hjh. Norashikin Md Tap, Pengurus Maybank cawangan pada 12 Januari 2021 kepada Pengarah Yayasan Islam Kelantan, YM Engku Rajhan b. Engku Ismail di Pejabat YIK Nilam Puri.



**Agih Sumbangan** YM Pengarah YIK menyampaikan sumbangan kepada pelajar-pelajar yang layak di Maahad al-Sabirin Ayer Lanas.

**Ayer Lanas, Jeli: 11 Apr** - YM Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan telah mengadakan lawatan ke Maahad Al-Sabirin, Ayer Lanas, Jeli. Lawatan berkenaan adalah untuk menyampaikan sumbangan zakat kepada pelajar-pelajar asnaf di sekolah berkenaan.

Sumbangan yang diuruskan oleh WANIS YIK telah diagihkan kepada pelajar sebagai sebahagian daripada rutin aktiviti WANIS setiap tahun dan ini adalah merupakan siri yang ke-7 dalam siri penyampaian sumbangan berkenaan.

Selain daripada itu, lawatan berkenaan juga adalah bertujuan untuk mendapat gambaran sebenar berhubung rekaan tebing berhampiran masjid sekolah yang mengundang risiko keselamatan kepada pelajar. Usaha pemulihan dan penyelenggaran perlu disegearkan memandangkan kawasan terbabit merupakan laluan dan perkumpulan pelajar setiap hari. YM Pengarah telah meluluskan RM20,000.00 untuk tujuan berkenaan.

Dalam kesempatan yang sama, YM Pengarah telah melancarkan program Usrah Guru Maahad Al-Sabirin Ayer Lanas. Program yang bertujuan memantapkan sahsiah guru dan kakitangan ini dilaksanakan secara berkala bagi memberi motivasi dan juga kesedaran terhadap tugas dan tanggungjawab.

YM Pengarah mengingatkan agar meletakkan diri mereka sebagai penyokong pendidikan sehingga menjadikan semua guru berperanan dalam apa jua aktiviti yang dilaksanakan.

## Penyampaian Zakat Di MAAHAD AL-SABIRIN AYER LANAS

Menurut beliau, guru yang berjaya adalah guru yang menjadikan rakan seperjawatannya sebagai rakan sependidikan (Educational partner) serta mampu menjadi rujukan kepada guru-guru lain, pelajar dan juga para ibu bapa.

Hadir sama dalam lawatan berkenaan, Pengurus Wanis YIK, YM Tengku Sahariah bt. Tuan Hamzah, Timbalan Pengarah Pengurusan, Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Timbalan Pengarah Sekolah, Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Akademik, Hj. Mohd Zaki b. Deraman dan pegawai-pengawai Kanan Yayasan Islam Kelantan.



**Lancar Usrah Guru** : YM Pengarah YIK memotong riben gimik pelancaran Usrah Guru sempena lawatan pada kali ini.

## Lawatan Kerja YM Pengarah ke Maahad Rahmaniah



**Kuala Krai : 7 Mac** - YM Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan telah mengadakan Lawatan Kerja ke Maahad Rahmaniah Kuala Krai pada 7 Mac 2021. Lawatan berkenaan adalah untuk melihat dengan lebih dekat pembangunan di Maahad berkenaan khususnya untuk pembinaan asrama pelajar bagi tujuan memberi kemudahan penginapan kepada pelajar yang tinggal berjauhan dari sekolah berkenaan.

Kunjungan ini juga untuk mengeratkan silaturahim antara pihak sekolah dan juga pengurusan Yayasan Islam Kelantan di samping bertukar-tukar pandangan untuk kemajuan dan perkembangan sekolah pada masa yang akan datang. Pengetua, Ust. Che Hasyim b. Arifin bagi pihak sekolah, guru dan kakitangan melahirkan rasa terharu dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada YM Pengarah yang telah memilih Maahad Rahmaniah untuk lawatan kerja beliau sejak dilantik sebagai Pengarah YIK pada 18 Ogos tahun lalu.

Turut sama dalam lawatan berkenaan ialah Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Timbalan Pengarah Pengurusan, Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, Timbalan Pengarah Sekolah dan En. Khairul Fatmee b. Jusoh, Pengurus Akademi Yayasan Islam Kelantan Sdn. Bhd.

# PERASMIAN MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH YAYASAN ISLAM KELANTAN



**Rasmi :** Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail menyampaikan ucapan perasmian Mesyuarat Agung Kelab Sukan Sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.

**Kompleks Pentadbiran YIK : 25 Mac** - Pengarah Yayasan Islam Kelantan merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan Sekolah-sekolah Yayasan Islam kali ke-7 di Dewan Seminar Kompleks Pentadbiran YIK pada 25 Mac 2021.

Kelab Sukan ini menggabungkan semua sekolah di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan untuk melaksanakan aktiviti sukan dan acara ilmiah di peringkat sekolah mahupun di peringkat Yayasan Islam Kelantan.

Menurut Timbalan Yang Dipertua Kelab, Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad, mesyuarat kali ini adalah setelah penjadualan semula apabila mengalami perubahan beberapa kali akibat dari penularan COVID-19 pada tahun ini, di mana jadual sebenar adalah pada bulan Oktober 2020.

Meskipun berdepan dengan pandemik COVID-19, aktiviti sukan tetap dilaksanakan mengikut norma baharu, iaitu secara dalam talian dan pelajar YIK telah berjaya merangkul juara keseluruhan peringkat antarabangsa dalam acara Tae Kwan Do secara maya.

Mulai tahun ini sekolah-sekolah YIK dibahagikan kepada 12 zon berbanding 8 zon sebelum ini. Setiap zon akan memilih seorang wakil bagi menduduki jawatankuasa Kelab Sukan ini.

Sementara itu, YM Pengarah YIK dalam ucapan perasmianya meminta agar semua pengetua mengambil pendekatan lebih ketat dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur pematuhan SOP dalam kalangan pelajar sekolah. Beliau berharap kaedah-kaedah yang berkesan dapat dilaksanakan untuk menghadapi sesi persekolahan secara bersemuka yang dijadualkan pada 4 April nanti. Beliau juga menaruh harapan yang tinggi agar sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan dapat terus mengungguli kecemerlangan kurikulum sehingga ke peringkat kebangsaan sama ada dalam Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Agama Malaysia (KESSUMA) atau Majlis Ihtifal Ilmu Sekolah-sekolah Menengah Agama Malaysia (MIIISMAM).



**Terima kasih :** Timbalan Yang Dipertua Kelab Sukan Sekolah-sekolah YIK menyampaikan cenderahati kepada YM Pengarah.

## ZIARAH KELUARGA ALLAHYARHAMAH NURUL HUDA

**Meranti, Pasir Mas : 27 Nov 20** - YM Pengarah Yayasan Islam, Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail telah meluangkan masa menziarahi keluarga pelajar Kelantan yang meninggal dunia di Kaherah pada 27 November 2020 Nurul Huda Shalaudin, di Kampung Kubang Pak Hitam, Meranti Pasir Mas. Walaupun terpaksa meredah banjir menggunakan bot pancung fiber hampir 20 minit untuk tiba di destinasi, beliau begitu bersemangat untuk bertemu dengan keluarga Allahyarhamah dan menyampaikan sedikit sumbangan dari pihak Yayasan Islam Kelantan. Kunjungan ini turut disertai Timbalan Pengarah Akademik, Timbalan Pengarah Kenaziran, Penolong Kanan Pentadbiran Maahad Muhammadi Pasir Mas dan Pengetua SMU (A) Banggol Setol.





## Sumbangan Khairat Kematian Yayasan Islam Kelantan

**Serah sumbangan :**  
Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan bin Engku Ismail, menyerahkan sumbangan kepada balu Allahyarham.

Seluruh warga kerja Yayasan Islam Kelantan mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham Ustaz Zamri b. Mat Yusoff yang meninggal dunia pada 3 Mac 2021 yang lalu akibat komplikasi kencing manis.

YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan telah menyampaikan sumbangan khairat kematian kepada Puan Siti Zaleha bt. Mohd Daud, balu Allahyarham di kediaman beliau, Kampung Beta Hulu, Salor, Kota Bharu pada 4 Mac 2021. Turut sama dalam majlis penyampaian ringkas berkenaan, Timbalan Pengarah Pengurusan Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Timbalan Pengarah Sekolah Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad dan Pengurus Akademi YIK, En. Khairul Fatmee b. Jusoh.

Ustaz Zamri meninggal dunia di Hospital Universiti Sains Kubang Kerian setelah seminggu mendapat rawatan.

Beliau yang berasal dari Kampung Lubok Chekok Pasir Mas menetap di Beta Hulu merupakan Pengerusi Majlis Pengetua dan Pengetua di SABK Al-Falah Siram, Pasir Mas.

Allahyarham memulakan perkhidmatan di Yayasan Islam Kelantan sebagai Guru Ganti pada tahun 2000 di SMU (A) Tarbiah Diniyah Meranti kemudian sebagai Guru Berelaun sehingga tahun 2002 juga di sekolah yang sama. Menjawat jawatan Guru Sandaran pada 4 Januari 2003 sebelum ditawarkan ke jawatan tetap dan berpencen pada 1 Julai 2008.

Pada 4 Januari 2004 Allahyarham telah diberi kepercayaan sebagai Pengetua di SMU (A) Diniyah Bongor. Pada 1 November 2017 Allahyarham menggalas amanah sebagai pengetua di SMU (A) Al-Falah Siram.

Merupakan seorang yang aktif dan bergiat dalam pertubuhan dan NGO termasuk Unit Amal serta melibatkan diri secara serius dalam kerja-kerja kebajikan untuk masyarakat setempat.

Semoga Allah mencucuri roh beliau dan ditempatkan bersama orang-orang beriman, para aulia' dan solihin.



## YIK-JPN MEMANTAPKAN KERJASAMA DUA HALA

**Nilam Puri : 22 Jan** - Yayasan Islam Kelantan terus memantapkan kerjasama dua hala dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dalam aspek pendidikan yang melibatkan kepentingan bersama. Perbincangan mengukuhkan hubungan itu telah diadakan pada 19 Januari 2021 antara YM Pengarah YIK dan Pengarah JPN di Yayasan Islam.

Pengarah JPN, En. Abu Hanifah@ Fauzi b. Zahari bersama Timbalan Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan, Hj. Mohamed b. Abd. Wahab, Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, En. Hasani b. Hashim dan Ketua Penolong Pengarah Unit Sekolah Rendah, Sektor Pengurusan Sekolah, En. Alias b. Ismail turut sama dalam pertemuan berkenaan. Sementara YIK disertai oleh Timbalan Pengarah Pengurusan, Timbalan Pengarah Sekolah, Timbalan Pengarah Akademik, Timbalan Pengarah Kenaziran dan Penolong Pengarah HEM.



Perbincangan lebih tertumpu kepada usaha bersama pelaksanaan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mendepani pandemik COVID-19 serta tatacara pengurusan pergerakan pelajar dari zon merah luar Kelantan untuk mendaftar masuk ke asrama sekolah-sekolah di negeri Kelantan. Di samping itu peringatan berterusan kepada calon-calon peperiksaan untuk sentiasa menjaga diri dari pandemik ini untuk membolehkan mereka mengikuti pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan teratur.



Selain itu, YIK dan JPN akan memperkuatkan kerjasama memantapkan sekolah Yayasan Islam Kelantan. Pemantauan berterusan dan perhatian dari kedua belah pihak akan menyuntik semangat baharu kepada guru-guru yang telah lama berkhidmat. Pihak Yayasan Islam mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terhadap usaha yang dirintis ini untuk kebaikan bersama dan masa depan yang lebih gemilang.

# PEMANTAUAN HARI PERTAMA PERSEKOLAHAN TAHUN 2021



Pantau : Pengarah YIK, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail mengadakan pemantauan di Maahad Muhammadi Tumpat.

**Tumpat : 20 Jan** - Pengarah Yayasan Islam Kelantan, YM Hj. Engku Rajhan b. Engku Ismail telah mengadakan pemantauan perjalanan Hari Pertama Persekolahan bagi tahun 2021. Sekolah telah dibuka semula bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bersemuka untuk pelajar kelas menengah atas iaitu tingkatan 4, 5 dan 6 Bawah semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pandemik COVID-19. Sekolah yang dipantau adalah Maahad Muhammadi Tumpat dan Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin, Berangan.

YM Pengarah memberi penekanan terhadap kepentingan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) oleh guru, murid dan warga sekolah dan langkah-langkah pengawalan penularan pandemik COVID-19. Hal ini adalah supaya proses PdP dapat dijalankan dengan baik dan berkesan.

Pada hari tersebut, seramai 34 orang pegawai YIK telah melaksanakan pemantauan serentak bagi memastikan 60 buah sekolah YIK dapat melaksanakan PdP secara bersemuka. Manakala sekolah-sekolah yang tiada pelajar menengah atas belum dibuka pada hari tersebut. Semua sekolah didapati mematuhi arahan melaksanakan PdP bersemuka sepenuhnya serta mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pandemik COVID-19.

Di samping itu, pegawai pemantau telah mengedarkan borang kaji selidik bagi meninjau keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam kalangan pelajar sekolah YIK semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada bulan Oktober hingga Disember 2020. Berdasarkan hasil kajian, majoriti pelajar (96.4%) didapati menerima PdPR secara dalam talian melalui platform Google Meet / WhatsApp / Telegram / Chat Live dan sebagainya semasa tempoh PKP dan PKPB. Walau bagaimanapun, didapati 3.1% daripada pelajar tidak mempunyai sebarang akses kepada internet menyebabkan proses PdPR secara maya tidak dapat diikuti oleh mereka. Kajian juga menunjukkan bahawa 52.7 % pelajar berpendapat PdPR secara dalam talian adalah tidak efektif.



Pematuhan : Antara aspek yang diperincikan ialah penjarakan dan pematuhan pelajar kepada SOP yang telah ditetapkan oleh YIK.

## YM Pengarah YIK Lawat Tapak Pembangunan SMU (A) Taqaddum Ilmi Ketereh



**Ketereh : 30 Mac** - YM. Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Engku Rajhan b. Engku Ismail telah mengadakan lawatan kerja ke SMU (A) Taqaddum Ilmi Ketereh dalam rangka meninjau cadangan untuk pengambilan balik tanah bagi perluasan tapak sekolah.

Lawatan yang diadakan pada 30 Mac 2021 diiringi oleh Timbalan Pengarah Pengurusan Hj. Shamsul b. Abu Bakar, Pegawai Pembangunan YIK, En. Khairul Azri b. Ahmad Robert, Pengurus Akademi YIK, En. Khairul Fatmi b. Jusoh serta Penolong Jurutera Yayasan Islam Kelantan, En Nazri b. Abdullah Fadzil.

Yayasan Islam Kelantan sedang dalam perancangan untuk meningkatkan kemudahan dan fasiliti sekolah berkenaan untuk menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat. Selain itu dapat menyediakan kemudahan beriadah dan juga untuk kegiatan Kokurikulum yang lebih baik dan selesa.

Pengetua sekolah, Hj. Abdullah b. Wahab mengalu-alukan hasrat berkenaan dan berharap ianya dapat direalisasikan dalam masa terdekat bagi memberi semangat dan motivasi kepada pelajar sedia ada.

## YIK WUJUD SALURAN DAKWAH (Channel Dakwah)

**Kompleks Pentadbiran YIK** : Kemajuan dan pencapaian dalam teknologi maklumat dan konsep langit terbuka (Open sky) pada hari memperluas sumber maklumat yang pelbagai. Menyedari situasi semasa Unit Hal Ehwal Murid Yayasan Islam Kelantan merangka satu medium alaf baharu untuk dakwah, iaitu melalui Channel Dakwah Yayasan Islam Kelantan (CD-YIK) yang akan ditayangkan dalam YouTube lanya bertujuan untuk menjayakan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK), selain dari menyampaikan dakwah kepada pelajar dan guru Yayasan Islam Kelantan melalui media alaf baharu.

Usaha ini adalah bagi meneruskan aktiviti dakwah yang terhad akibat pandemik COVID-19 tanpa bersemuka. Semua aktiviti yang dilaksanakan sebelum ini secara bersemuka akan diteruskan melalui Channel Dakwah Yayasan Islam Kelantan aktiviti seperti Usrah, Ceramah Hari Kebesaran dalam Islam, Kursus Pengurusan Jenazah, Kaunseling remaja, Kursus Asas Fardu Ain, Fiqh Wanita, Kursus Sembelihan, Kursus Kepimpinan, Thoharah dan lain-lain lagi.


Channel Dakwah ini juga akan terus memperkasakan **Program Ikon I Youth Ummah (penerangan gejala sosial dalam kalangan remaja)** sebagai langkah pencegahan secara berkala.

Siaran berjadual ini diharapkan menjadi media pilihan baharu kepada seluruh pelajar dan guru Yayasan Islam Kelantan untuk lebih bersedia menghadapi suasana yang lebih mencabar pasca pandemik COVID-19 dalam rangka merealisasikan Dasar Pendidikan Rabbani Negeri Kelantan (DPRK).

## PUSAT BAHASA ARAB PERTINGKAT AKTIVITI KEMAHIRAN SECARA DALAM TALIAN



**Secara Maya :** Pendekatan secara dalam talian adalah kaedah yang digunakan untuk terus menyampaikan maklumat dan teknik pengajaran berkesan kepada guru-guru sepanjang pandemik COVID-19.



**Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjong : 28 Mac** – Pusat Bahasa Arab Yayasan Islam Kelantan terus menggandakan usaha mempertingkatkan kemahiran dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan guru dan pelajar sekolah. Antara yang telah diadakan ialah Kursus Pengajaran dan Komunikasi Guru Baharu. Kursus ini bertujuan menyampaikan maklumat tentang kemahiran melaksanakan PdPC dan komunikasi bahasa Arab berkesan. Kursus melalui Google Meet ini dikendalikan oleh Pegawai-pegawai Latihan PBA, dan disertai 44 orang guru baharu.

Selain itu PBA juga menganjurkan Kursus Pengajaran Bahasa Arab Bagi Guru Arab/Agama SRU dan TADIKA Yayasan Islam Kelantan. Kursus ini pula memberi penekanan kepada aspek keberkesaan pengajaran, motivasi dan panduan mencari sumber ilmiah bahasa Arab di laman sesawang PBA. Kursus bertujuan ke arah pemantapan PdPC, keberkesaan dan pencapaian objektif pengajaran demi merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pusat Bahasa Arab juga menitikberatkan aspek pengajaran berkesan, pedagogi alaf baru, motivasi, kriteria guru berminda kelas pertama serta perbincangan penambahbaikan bagi pencapaian bahasa Arab yang lebih cemerlang. Untuk tujuan itu Kursus Pemantapan Pengajaran Taabir Tingkatan Dua telah dilaksanakan.

Usaha-usaha pemantapan ini adalah sebahagian daripada kesinambungan peningkatan kualiti Pengajaran dan pencapaian bahasa Arab di semua peringkat Yayasan Islam Kelantan.



## TAKLIMAT TASK FORCE DPRK

**Maahad Muhammad Lelaki, Kota Bharu : 30 Mac** – Dalam memantapkan pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Negeri Kelantan, satu taklimat taskforce telah diadakan di Maahad Muhammadi Lelaki pada 30 Mac 2021. Taklimat ini adalah lanjutan dari sesi taklimat sebelum ini yang diadakan di Hotel H Elite, Tunjong melibat guru-guru dari sekolah rintis Yayasan Islam Kelantan.

Taklimat ini lebih tertumpu kepada memberi penerangan dan kefahaman kepada semua yang terlibat terhadap konsep dasar dan pelaksanaan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) serta memperhalusi matlamat yang ditentukan sebagaimana yang diharaskan oleh pihak kerajaan untuk diterapkan secara amali di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Selain itu, program ini juga memberi pendedahan untuk menggunakan Buku Panduan Program & Aktiviti Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) kepada semua guru secara terperinci. Taklimat dikendalikan oleh Hj. Che Kamarudin Kamel b. Che Muhammad (Timbalan Pengarah Sekolah) dan Hj. Zulkifli b. Mat Yusoff (Pemangku Pengarah Institut Latihan Perguruan Kelantan ILPK).

## Kursus Penterjemahan Bahasa Arab Peringkat Yayasan Islam Kelantan

**Kompleks Pentadbiran YIK : 08 Apr** – Yayasan Islam Kelantan melalui Pusat Bahasa Arab buat julung kalinya menganjurkan Program Kursus Penterjemahan Bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Kursus ini telah dijayakan pada 8 April 2021 bertempat di Dewan Seminar YIK mulai jam 8.00 pagi sehingga 4.30 petang.

Kursus sehari ini memberi pendedahan mengenai sejarah, konsep, peluang dan tribulasi dalam arena penterjemahan sejarah dengan era Revolusi Perindustrian ke 4.0. Kursus disertai oleh para Mursyid Al-Lughah sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan dan dikendalikan oleh ustaz Dedek Febrian dari Maahad Sains Tok Guru, Pengkalan Chepa.

Hakikatnya kursus ini lebih menjurus ke arah memantapkan ilmu dan kesenian bahasa Arab khususnya dalam skop penterjemahan. Kursus juga memaparkan teknik-teknik teknologi terkini yang sewajarnya dimanfaatkan bersama untuk mencapai keabsahan maklumat seiring dengan perkembangan semasa.

Kursus seumpama ini sewajarnya diperkembangkan secara lebih meluas untuk memberi manfaatnya yang maksimum kepada semua.

# Kerajaan Negeri Lulus RM0.5 juta Untuk Peralatan ICT Sekolah Yayasan Islam Kelantan



**Kompleks Pentadbiran YIK, Tunjung : 31 Mei** - Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan hampir RM0.5 juta untuk peralatan-peralatan ICT di sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan yang diagihkan secara berperingkat di mana pelaksanaan Fasa pertama pada hari ini kepada 47 buah sekolah dengan kos sebanyak RM211,000.00.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan YB Dato' Dr. Haji Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan telah merasmikan Majlis Penyerahan Peralatan ICT Untuk PDPR Sekolah-Sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Secara Pandu Lalu dan Melancarkan Buku Garis Panduan Wabak Covid-19 di Asrama Sekolah YIK kepada pengetua-pengetua dan guru besar sekolah Yayasan Islam Kelantan.

Daripada 47 buah sekolah terlibat dalam program ini, 42 buah adalah Sekolah Menengah Ugama SMU (A) Bantuan Kerajaan Negeri, 3 buah Maahad Kerajaan di jajahan Jeli dan Gua Musang dan 2 buah Tadika Yayasan Islam Kelantan.

Pengagihan fasa kedua yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat melibatkan sebanyak 46 buah lagi sekolah Yayasan Islam Kelantan yang menjadikan jumlah keseluruhan 93 buah. Antara peralatan yang dibekalkan ialah Komputer Riba, Mikrofon, Pemancar Paparan Hablur Cecair (LCD), Skrin Paparan Hablur Cecair 6x6 Tripod, Pembesar Suara, Penyampai Tanpa Wayar, Pad Menulis Untuk Komputer Riba, Fon Kepala, Kamera Web dan Penyesuaian Antara Muka Multimedia Definisi Tinggi (HDMI) kepada Tatasusunan Grafik Video (VGA).

Dengan sumbangan ini pihak kerajaan menaruh keyakinan tinggi agar para pengetua sekolah dapat menggunakan kemudahan yang disediakan untuk melicinkan proses PdPR secara dalam talian. Di samping itu dapat membantu pihak sekolah menambah baik kemudahan teknologi pendidikan untuk meningkatkan mutu pendidikan sesuai dengan keperluan semasa.

Turut sama dalam program ini, Pengarah Yayasan Islam Kelantan YM Hj. Engku Rajhan bin Engku Ismail, Timbalan-timbalan Pengarah YIK dan pegawai-pegawai Yayasan Islam Kelantan dengan pematuhan terhadap SOP COVID-19 yang ketat.

## Lawatan Pemantauan YM Pengarah ke Projek Pertanian di Pusat Pengajian Pondok

**Pondok Moden, Bachok : 25 Jan** - YM Engku Rajhan b. Engku Ismail, Pengarah Yayasan Islam Kelantan telah mengadakan lawatan pemantauan ke Pusat Pengajian Pondok di Telong Kandis untuk meninjau perkembangan projek pertanian Yayasan Islam Kelantan di pondok berkenaan.

Projek pertanian yang diusahakan di sini ialah kelapa dan kelapa sawit, sawit, di mana Yayasan Islam Kelantan telah membuat penanaman kelapa sawit dalam tanah seluas 30 ekar sejak tahun 2016 dan dijangka mengeluarkan hasil awal tahun 2021.

Lawatan yang diadakan pada 25 Januari 2021 ini bertujuan untuk melihat secara lebih dekat perkembangan projek berkenaan dan memberi pandangan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan kesuburan pokok sekaligus dapat menambah hasil tuaian. YM Pengarah optimis dengan pulangan sehingga RM25,000.00-RM30,000.00 hasil dari 1,700 pokok yang diusahakan ini dapat menampung sebahagian daripada keperluan kewangan Yayasan Islam Kelantan sekiranya diurus dengan cara yang betul.

Turut sama dalam lawatan berkenaan, Timbalan-timbalan Pengarah, Pegawai Pembangunan dan Penolong Jurutera YIK.



# COVID-19 Pandemic and Online Learning: The Challenges and Opportunities Faced by the Educators

COVID-19 has taken the world by storm due to the corona virus found in the year 2019 which is later declared as a pandemic after its rapid spread throughout the globe with additional announcement of social distancing as a means of curbing the spread of the pandemic. This has forced global shutdown of several activities including educational activities which has resulted schools and higher education institutions to migrate to online learning. Many schools went completely online; online learning in this case, is the use of internet and some other technologies to develop materials for educational purposes.


Educators now are going above and beyond, doing extra works for online classrooms, changing their strategies and plans, and working to ensure the students can be successful. Many internet providers have been offering free internet data plans, programs focusing on new subscribers or 60-day free trial deals. There are many choices of technology for educators to choose to help creating great learning environments for their students such as video conferencing, videos or classroom management system. Most students are excited to face the online learning, whereby getting education is not in the traditional way.

Even for those students who can get online, connecting is never simple. In households with broadband access, the internet sometimes can be unreliable and slow, making it



challenging to complete assignments on time or engage fully in learning. Workable internet connections are then overburdened when every family member needs access simultaneously. Data usage and billing costs also complicate matters for most of the students who rely upon their smartphones for connectivity.

The most important thing for everyone who teaches is to find safe ways for students to continue getting the education that they deserve. Parents are similarly passionate about their children's education, hence it is vital for educators to be prepared to provide the best opportunities possible for students. **By- Hartini Idris**



## سمیزرن ONLINE قچوتن اخیر STAM

فنولرن 19- COVID ممبري کسن يغ بسر ترهادف کهيدوون دان اكتيويتي مشارکت دنيا. دري ساتو سودوت، اي ممبري کسن نيكاتيف کثد کسيحتن دان فرکرقن مشارکت، تاافي دري سودوت يغ لاءين روقا-روقان باپق کسن چوسيتيف يغ ترسيرت دسباليقن. فينومينا ترسبوت توروت دراساکن دالم بيدغ چنديديقن. مسکيقوں نورما ییاس چفاجرن دان چمبلاجرن سچارا برسموک ترجس، نامون دري سودوت لاءين، 19- COVID ممبوك لمبارن بارو دالم چروسيس چفاجرن دان چمبلاجرن. ماله اد کتيکاش ايا لبيه مليبرکن سايف چپيرن علمو دان معلومت. ممندغىكن ككعن چروسيدور اوفراسي ستندرد (SOP) دان كبيمېشىن ترهادف فنولرن 19- COVID يونيت كوريكولوم عرب اوکام تله مقاداکن سمیزرن اخیر STAM ONLINE يغ تربوک کثد سموا چالون STAM دیايانس إسلام گلنتن. سمیزرن يغ جولوغ 2 کالى دانجورىكن سأو مقامان ممبري چلواڭ کثد سموا چلاجر منداشتىكن معلومت تىكىتكى منجواب سرت اسقىق 2 يغ چلو دېرىيكن چنكىن ددىالم منجواب سوءالن. سمیزرن اين داداکن فد 8-14 مچ 2021. سمیزرن يغ مليبىتكىن سموا مات فالاجرن STAM اين، توروت منجمقوقت چنچرامه اوندغۇن دري كلية اللغة والدين السلطان أبو بكر، چىخ سلايەن چنچرامه دري كالغان كورو 2 برققالىمن دري سکولە 2 ياياسن إسلام سندىرىي - حمدى محمد.

# انتقال المؤسسة الإسلامية بكلنتان إلى الإدارة الجديدة



في التاريخ 18 جمادى الآخرة 1422هـ الموافق 31 يناير 2021م، انتقلت المؤسسة الإسلامية بكلنتان من مقرها القديم التي تقيم فيه منذ 1983 بنيلم فوري إلى المبنى الجديد المعروف باسم المجمع الإداري للمؤسسة الإسلامية بكلنتان الذي يقع في مدينة تونجونج الجديدة بعد أن تم إنشاءه بتنفيذ من شؤون التربية الإسلامية واللغة العربية للطلاب والطالبات في كلنتان ومن خارجه على مدى أكثر من ثلاثين سنة.

وكان المقر الأول للمؤسسة الإسلامية كانت في لوندنج، في مبني واحد بالاشتراك مع مجلس الشؤون الإسلامية والتقاليد الملايوية بكلنتان قبل انتقالها إلى نيلم فوري.

وقد بدأ تشييد هذا المبنى رسمياً في 23 إبريل 2017م، وتم الانتهاء من بنائه في 10 يونيو 2020م على قطعة أرض كانت مساحتها 4.11 فدادين، ويقع على الطريق من كوتا بهارو إلى فاسير مس. وتبلغ تكلفة البناء والمعدات بأكملها ما يقرب من 11 مليوناً رينجتا على نفقة من حكومة كلنتان بالكامل.

وتكون هذه الإدارة من ثلاثة مبانٍ رئيسية، وتتكون من ثلاثة أدوار، يقع قسم المدرسة في مبني أيه (A)، وإدارة المدير العام ونائب المدير لقسم الإدارة تقع في مبني بي (B)، وأما المبني لقسم الأكademie فيقع في مبني سي (C). وتقديم المؤسسة الإسلامية الكلنتانية الاحتياجات الأساسية للعمال والزوار كالمسجد والمطعم والمصعد وموقف السيارات.

وتتجدر الإشارة، بأن الإدارة الجديدة كانت مريحة وممتعة بالنظر إلى بيئة الإدارة الممتعة، وتقدم كثيراً من التسهيلات الأساسية الكثيرة، وكان ترتيب الوحدات ترتيباً منظماً يشجع الموظفين والعمال على التركيز في العمل وإتقانه، والتفني في سبيل تحقيق أهداف المؤسسة الإسلامية بكلنتان والحكومة المحلية.

وبدأت عملية الانتقال لجميع الوحدات من مقرها السابق إلى المبني الجديد في مدينة تونجونج في شهر ديسمبر 2020 وانتهت هذه عملية النقل بصورة كاملة في شهر فبراير 2021.

وتبشرت الإدارة الجديدة مهامها بالكامل منذ شهر فبراير 2021. وفي شهر مارس، انتقلت عمارة المؤسسة الإسلامية بكلنتان السابقة إلى إدارة كلية السلطان إسماعيل فترا الإسلامية العالمية واندمجت تحت رئاستها.

وهذه المناسبة الرائعة الانتقال إلى المقر الجديد نأمل من جميع الموظفين والعمال مضاعفة العطاء والاجتهد والمثابرة في العمل لتحقيق الأهداف التي تطلبها المؤسسة الإسلامية بكلنتان — زين الدين حسين.





## KEPIMPINAN GURU MEMBENTUK INSAN MULIA DALAM KALANGAN PELAJAR

Oleh : Nik Abdul Rahman Yaakob

Kepimpinan dalam pendidikan adalah sangat penting, kerana kejayaan pendidikan sangat bergantung kepada pemimpin sekolah. Elemen kepimpinan dan pendidikan juga sering dilihat sebagai hadir bersama-sama, dalam Islam Rasulullah SAW adalah seorang pemimpin dan pada masa yang sama juga sebagai pendidik.

Kepimpinan dalam teori barat bermaksud seni dan proses mempengaruhi sekumpulan orang supaya mereka mahu bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat kumpulan. Dengan kata lain elemen utama dalam kepimpinan ialah mempengaruhi orang dan mencapai matlamat. Manakala kepimpinan dalam Islam menekankan elemen amanah yang dipertanggungjawabkan, iaitu amanah yang akan dipersoalkan di akhirat nanti. Jika kedua-dua definisi diselaraskan maka kepimpinan itu adalah proses mempengaruhi manusia, sebagai satu amanah dari Allah, bagi mencapai matlamat organisasi selaras dengan al-Quran dan Al-Hadith.

Apabila kita menyebut kepimpinan sekolah, maka ramai dalam kalangan kita akan merujuk kepada pengetua dan penolong kanan sebagai pemimpin sekolah. Sehingga ada yang terlupa bahawa guru itu sendiri juga termasuk pemimpin, ini kerana kepimpinan itu melibatkan semua orang seperti maksud hadis :

**Setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan diminta pertanggungjawaban atas yang dipimpinnya.....  
(HR Bukhari)**

Persoalannya kini, adakah guru tidak layak untuk berperanan sebagai pemimpin? Sekiranya guru bukan pemimpin, siapakah yang memimpin murid di dalam dan luar bilik darjah? Jawapannya, sudah pastilah guru yang menjadi pemimpin. Di dalam bilik darjah, mereka memimpin murid untuk berjaya dalam pendidikan.

Kepimpinan guru merupakan satu proses yang dilaksanakan oleh guru secara individu atau berpasukan, untuk mempengaruhi rakan sejawat, pengetua dan warga sekolah yang lain bagi melaksanakan penambahbaikan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Aktiviti tersebut bertujuan untuk meningkatkan pencapaian murid. Bagi mencapai hasrat tersebut, pembangunan kepimpinan guru akan melibatkan tiga peringkat seperti mana berikut iaitu pembangunan individu, pembangunan kelompok dan pembangunan yang lebih luas iaitu di peringkat organisasi.

Kepimpinan guru juga berupaya melaksanakan perubahan di dalam dan luar organisasi menerusi keistimewaan yang dimiliki misalnya tahap pengetahuan dan kemahiran serta gaya mempengaruhi rakan sejawat.

Untuk menjadi pemimpin yang baik maka guru harus memiliki ciri-ciri berikut iaitu kreatif, fleksibel, menuntut ilmu sepanjang hayat, cekap, berani menghadapi risiko dan memiliki kemahiran intra dan interpersonal. Ciri-ciri ini boleh dicapai dengan cara membangunkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran mengenai pengajaran dan akademik berupaya meningkatkan kepimpinan diri menerusi penambahbaikan terhadap profesionalisme diri, akademik dan taraf kehidupan mereka. Guru juga harus terlibat secara aktif dalam membuat keputusan berupaya meningkatkan kepimpinan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Sifat-sifat ini telah ditonjolkan oleh guru-guru kanan mata pelajaran dan guru-guru yang memegang jawatan penting di sekolah.

Guru yang berperanan sebagai pemimpin akan berusaha untuk meluaskan pengaruh mereka terhadap murid dan rakan sejawat agar pencapaian sekolah meningkat. Jika peranan ini dapat dilaksanakan oleh ramai guru maka kecemerlangan sekolah dapat dijana dengan mudah. Penanda aras kewujudan kepimpinan tersebut adalah kejayaan guru berperanan sebagai agen perubahan ke arah kecemerlangan di dalam dan luar sekolah.

Usaha membentuk kepimpinan guru akan tercapai sekiranya pihak sekolah membangunkan semula sekolah mereka menjadi organisasi pembelajaran. Sekolah juga perlu mengadakan kursus kepimpinan guru, kemahiran pedagogi, kemahiran mengurus perubahan dan kemahiran membuat keputusan kepada guru-guru mereka, agar tahap kepimpinan guru meningkat.

Kesimpulannya, konsep kepimpinan guru adalah penting dalam pendidikan di Yayasan Islam Kelantan, kerana ia berupaya melakukan penambahbaikan terhadap keberkesanannya sebuah sekolah, berlaku penambahbaikan terhadap tingkah laku dan pencapaian guru seterusnya mewujudkan peningkatan dalam kualiti profesi keguruan. Kepimpinan itu sendiri adalah selaras dengan tuntutan Islam, yang meminta setiap orang agar menjadi pemimpin yang bertanggungjawab lagi amanah, demi untuk mendapat keredaan Allah.

# KEJOHANAN BADMINTON PIALA YM PENGARAH MERIAH

**Kota Bharu : 11 Mac** - Kejohanan Badminton Piala YM Pengarah YIK yang diadakan di Dewan Persatuan Badminton Negeri Kelantan, Telipot berlangsung meriah dengan penyertaan hampir 180 orang.

Kejohanan tahun 2020 ini sepatutnya diadakan pada bulan Disember tahun lalu namun terpaksa di tunda kepada 11 Mac 2021 akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak 18 Mac tahun 2020.

Penyertaan program ini terbuka kepada sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan untuk menjalin ikatan muhibah dan silaturahim antara pengurusan YIK, pentadbir sekolah dan guru-guru melalui aktiviti sukan.

Setiap pasukan mempunyai 5 regu, iaitu VIP yang terdiri dari YM Pengarah, Timbalan-timbalan Pengarah, Pengetua dan Penolong-penolong Kanan.

Regu Veteran pula terdiri dari peserta yang mencapai umur 45 tahun dan ke atas, seterusnya ialah 3 regu terbuka dengan bilangan penyertaan setiap pasukan ialah seramai 13 orang.



**Tahniah :** YM Pengarah menyampaikan tali pinggang Tae Kwan Do kepada ketua pasukan mewakili pasukan Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah

**Tanah Merah : 11 Mac** - Pasukan seni mempertahankan diri Tae Kwan Do Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah muncul johan peringkat antarabangsa pada tahun 2020 (*Gewinn ITF Pattern Malaysia Open International Taekwan-do E-Sport Challenge 2020*). Pada tahun 2019, pasukan ini telah berjaya menjuarai Tae Kwan Do di peringkat kebangsaan. Tahniah dan penghargaan kepada pelajar yang berjaya dan juga pihak sekolah yang telah memberi semangat serta latihan yang amat memberangsangkan.

Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 11 Mac 2021 di Dewan Hasan al-Banna, Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah oleh YM Pengarah Yayasan Islam Kelantan.



**Juara :** Zon Kota Bharu muncul juara kejohanan badminton Piala Pengarah

Pasukan mewakili zon yang terdiri dari Zon Kota Bharu 1, Kota Bharu 2, Kota Bharu 3, Tumpat, Pasir Mas, Rantau Panjang, Tanah Merah, Machang, Bachok, Pasir Putih Kuala Krai, Gua Musang dan Zon Jeli.

YM Pengarah YIK dalam perasmian meminta semua peserta dapat menjaga SOP dan dapat bertanding dengan penuh berhemah. Selain itu, beliau berhasrat untuk mengadakan sekali lagi kejohanan untuk tahun 2021 pada tahun ini dengan mengambil kira kesesuaian masa dan tempat. Beliau juga berhasrat untuk membuat semakan semula kepada kadar hadiah bagi Johan, Naib Johan, tempat ketiga dan keempat.

Kejohanan yang bermula jam 8.00 pagi itu berakhir pada jam 7.30 petang dengan Zon Kota Bharu 1 muncul Johan keseluruhan, manakala pasukan Yayasan Islam Kelantan Naib Johan. Tempat ketiga dan keempat pula jatuh kepada pasukan Zon Kota Bharu 3 dan Zon Rantau Panjang.

Johan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,500.00, manakala naib Johan RM1,000.00 manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing menerima RM500.00

Pihak urus setia mengucapkan terima kasih kepada semua peserta atas kerjasama yang telah diberikan.

## PASUKAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI TAE KWAN DO MTS TANAH MERAH MUNCUL JOHAN PERINGKAT ANTARABANGSA

Beliau yakin pencapaian ini menunjukkan kemampuan untuk bersaing khususnya dalam Kontinjen Kelantan dalam Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Malaysia Peringkat Kebangsaan (KESSUMA) mahupun di peringkat antarabangsa.

Hadir sama dalam program ini, YM Pengurus Wanis YIK, Timbalan-timbalan Pengarah, Penolong Pengarah Kokurikulum dan pegawai-pegawai.

